



**YB. SOON LIP CHEE**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang  
*Belia Dan Sukan*

---

**KENYATAAN MEDIA YB SOON LIP CHEE, EXCO BELIA & SUKAN PULAU  
PINANG  
PADA 18 NOVEMBER 2020**

**SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI AKTIVITI  
SUKAN DAN REKREASI DI NEGERI PULAU PINANG DARI 9 NOVEMBER 2020  
HINGGA 6 DISEMBER 2020**

Berdasarkan SOP sektor sukan dan rekreasi yang dikemaskini dan diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia setakat 17 November 2020, terdapat pertanyaan tentang pelaksanaan aktiviti sukan kecergasan dan operasi studio kecergasan di kalangan pengusaha dan rakyat jelata di negeri Pulau Pinang.

Pejabat MMK Belia dan Sukan telah menulis surat kepada Kementerian Belia dan Sukan pada 16 November 2020 untuk mendapatkan penjelasan terhadap pelaksanaan aktiviti sukan kecergasan dan operasi studio kecergasan di negeri Pulau Pinang. Kementerian Belia dan Sukan juga telah memberi maklumbalas melalui Majlis Sukan Negara pada 18 November 2020.

Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Berdasarkan maklumbalas daripada Majlis Sukan Negara, aktiviti kecergasan seperti yoga, Zumba, line dance, Taichi, QiGong, XiangGong adalah merupakan aktiviti sukan yang dibenarkan dalam studio kecergasan, kemudahan sukan awam terbuka (outdoor) dan tertutup (indoor) selagi ianya tidak melibatkan sentuhan fizikal dan ianya dilakukan bagi tujuan kecergasan. Penganjur atau penggiat sukan tersebut haruslah tertakluk kepada SOP Sukan dan Rekreasi baik dilakukan di tempat terbuka mahupun tempat tertutup dengan penjarakan fizikal (aktiviti statik : 1 - 3 meter, aktiviti dinamik : 3 - 5 meter) dan kapasiti maksimum sepuluh (10) orang pada satu-satu masa.
2. Walau bagaimanapun, kelas tarian dan sebagainya yang dikategorikan di bawah pendidikan seperti dalam SOP PKPB yang diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara adalah tidak dibenarkan.
3. Senaman secara bersendirian sahaja dibenarkan di Taman Bandaraya MBPP (Youth Park) disebabkan ruang yang terhad dan kerja-kerja penaiktarafan laluan jogging / walkway dalam padang sedang dijalankan.

4. Kebenaran beroperasi dan menggunakan fasiliti sukan tertutup seperti badminton adalah terhad bagi aktiviti latihan yang tidak melibatkan sentuhan fizikal dengan kapasiti maksimum seramai sepuluh (10) orang sahaja bagi satu-satu masa. Pengusaha atau operator hendaklah memastikan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi dipatuhi sepanjang masa termasuklah dalam aspek penjarakan fizikal (aktiviti statik : 1 - 3 meter, aktiviti dinamik : 3 - 5 meter). Bagi sukan badminton yang melibatkan 4 orang pemain dalam satu gelanggang yang merupakan aktiviti dinamik, haruslah dipastikan tidak bersentuhan fizikal dengan penjarakan 3 - 5 meter. Pengusaha atau operator boleh membuat penjadualan penggunaan gelanggang bagi memaksimumkan penggunaan gelanggang yang ada.
5. Kebenaran beroperasi dan menggunakan fasiliti sukan tertutup seperti ping pong adalah terhad bagi aktiviti latihan yang tidak melibatkan sentuhan fizikal dan kapasiti maksimum seramai sepuluh (10) orang sahaja bagi satu-satu masa. Pengusaha atau operator hendaklah memastikan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi dipatuhi sepanjang masa termasuklah dalam aspek penjarakan fizikal (aktiviti statik : 1 - 3 meter, aktiviti dinamik : 3 - 5 meter). Bagi sukan ping pong yang melibatkan 2 orang pemain dalam satu meja yang merupakan aktiviti dinamik, haruslah dipastikan tidak bersentuhan fizikal dengan penjarakan 3 - 5 meter.
6. Operasi pusat boling dan snuker adalah dibenarkan. Sukan boling merupakan sukan individu yang dibenarkan sepanjang PKPB berkuatkuasa. Pengusaha perlu memastikan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi dipatuhi sepanjang masa terutamanya penjarakan fizikal (aktiviti statik : 1 - 3 meter, aktiviti dinamik : 3 - 5 meter) dengan kapasiti maksimum sepuluh (10) orang bagi satu-satu masa.

Sekian, terima kasih.

SOON LIP CHEE  
EXCO BELIA DAN SUKAN PULAU PINANG